

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 27 OGOS 2020

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Rang Undang-Undang 355 akan dibentangkan di Parlimen?

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa meletakkan prioriti kepada pemerkasaan Mahkamah Syariah, bagi memartabatkan institusi perundangan Syariah di Malaysia. Sebagaimana yang telah dimaklumkan ketika penggulungan perbahasan Titah Diraja pada 10 Ogos 2020 di Dewan yang Mulia ini, pindaan bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenaya) 1965 akan dilakukan selepas beberapa proses penting dilaksanakan terlebih dahulu. Ini penting agar Akta ini dapat dipinda dan dibentangkan mengikut tertib dan teratur mengikut lunas Perlembagaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.